جامعة السلطان الشريف علي الإسلامية
UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI
SULTAN SHARIF ALI ISLAMIC UNIVERSITY

# Fakulti Syariah dan Undang-Undang
# Semester I, Sesi Akademik 2020/2021

## Kertas Soalan
## Peperiksaan Akhir

| | | |
|---|---|---|
| **Kod Kursus** | **:** | **SD0311** |
| **Nama Kursus** | **:** | **Undang-Undang Keterangan Islam** |
| **Peringkat Kursus** | **:** | **Diploma Tertinggi Kebangsaan** |
| **Masa** | **:** | **3 jam** |

**Rujukan dibenarkan:**
PERINTAH KETERANGAN MAHKAMAH SYARIAH, 2001

**Arahan:**
Jawab **empat (4)** soalan sahaja.

بسم الله الرحمن الرحيم

**SOALAN 1 (15 Markah)**

a) Keterangan amat diperlukan di dalam mahkamah. Berikan dalil-dalil pensyariatan keterangan dalam Islam.
(4 Markah)

b) Jelaskan definisi dakwaan menurut pandangan para ulama.
(7 Markah)

c) Apakah syarat orang yang mendakwa?
(4 Markah)

**SOALAN 2 (15 Markah)**

a) Jelaskan pengertian *ikrar* menurut pandangan para ulama.
(3 Markah)

b) Apakah dalil-dalil pensyariatan *ikrar* dalam Islam.
(3 Markah)

c) Huraikan cara *ikrar* menurut pandangan Ulama?
(3 Markah)

d) Undang-undang keterangan Islam membezakan jumlah bilangan *ikrar* untuk kesalahan-kesalahan tertentu. Berapakah bilangan *ikrar* dalam kes zina, mencuri, dan minum arak? Berikan dalil-dalil berkenaan.
(3 Markah)

e) Apabila *ikrar* telah dibuat oleh seseorang di dalam mahkamah, apakah kesan daripada ikrar ini?
(3 Markah)

**SOALAN 3 (15 Markah)**

Salah satu cara keterangan di dalam mahkamah syariah menurut para ulama adalah menerusi Pengetahuan Hakim (*'Ilm al-Qadi*).

Huraikan permasalahan ini secara terperinci.

**SOALAN 4 (15 Markah)**

a) Jelaskan definisi kesaksian.
(2 Markah)

b) Ulama berbeza pendapat berkenaan kesaksian seorang saksi dan sumpah orang yang mendakwa. Sila jelaskan persoalan ini.
(6 Markah)

c) Jelaskan pengertian adil menurut pandangan Ulama dan Perintah Keterangan Mahkamah Syariah 2001.
(4 Markah)

d) *Tazkiyyah al-Shuhud* terbahagi kepada 2 jenis. Jelaskan kedua-duanya.
(3 Markah)

**SOALAN 5 (15 Markah)**

Jelaskan kaedah dan permasalahan Undang-Undang Keterangan Islam berikut:

a) "Pada Asalnya Seseorang itu Bebas Daripada Sebarang Tanggungan"
(3 Markah)

b) "Pada Asalnya Sifat Mendatang itu Tidak Wujud"
(3 Markah)

c) Syarat saksi mesti boleh bercakap.
(3 Markah)

d) Jenis *Yamin*.
(6 Markah)

بالتوفيق والنجاح